

PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSELOR
(BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)
Bil. 1 /2009

Kepada :
Dekan Fakulti
Pengarah Kampus
Semua Pelajar
Universiti Teknologi MARA

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Y. Bhg. Dato' / Prof. / Dr. / Tuan / Puan / Saudara / Saudari,

PERLINDUNGAN KESIHATAN PELAJAR DI BAWAH SKIM PERKHIDMATAN KESIHATAN PELAJAR

Perkara di atas dengan hormatnya adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan bahawa Universiti Teknologi MARA telah menyediakan perkhidmatan kesihatan untuk semua pelajar sepanjang tempoh pegajian di bawah satu skim yang dinamakan Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar. Kemudahan ini meliputi kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak Universiti di Pusat Kesihatan di UiTM Shah Alam dan Unit Kesihatan di Kampus Negeri serta di mana-mana klinik atau Hospital Kerajaan dan Hospital Universiti di Malaysia.

Semua **pelajar yang telah mendaftar dan disahkan** sebagai pelajar UiTM adalah layak untuk mendapatkan perlindungan kesihatan di bawah skim ini. Perlindungan kesihatan ini **termasuk pelajar yang sedang bercuti dalam semester pengajian, menjalani latihan praktikal di organisasi luar, berada di luar kampus atas urusan rasmi universiti** seperti menghadiri seminar atau terlibat dengan pertandingan dalam program pelajar seperti sukan, debat dan program-program pembangunan pelajar serta akademik yang telah diluluskan oleh pihak universiti.

Pelajar yang telah tamat pengajiannya (tarikh keputusan mesyuarat Senat Universiti), cuti khas satu semester, pendaftaran ditangguh, ditarik balik atau digantung pengajian oleh Universiti adalah tidak dilindungi oleh skim ini.

Sebagai panduan dan rujukan, disertakan petikan dari Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar UiTM, tahun 2004 seperti berikut :

Perkara 4.1 : Rawatan Pesakit Luar

..."Semua Pelajar sepenuh masa adalah layak untuk mendapat rawatan dari unit/ pusat kesihatan mengikut jadual yang ditetapkan".

Perkara 4.1.6.2 : Kemudahan Wad di Hospital Kerajaan/ Universiti

Bagi kes yang perlu dirujuk di Hospital Kerajaan atau Hospital Universiti, pelajar berkelayakan tinggal di Wad Kelas Dua (2) atau lebih rendah. Universiti Tidak akan menanggung apa-apa bayaran bagi kelas yang lebih tinggi dari Kelas Dua (2).

Perkara 4.1.6.3 : Hospital Swasta

"Universiti tidak akan menanggung apa-apa jenis bayaran bagi rawatan atau wad di Hospital/ Klinik Swasta"...

Perkara 4.1.6.4 : Tempoh Tanggungan Perbelanjaan Wad

"Universiti hanya akan menanggung perbelanjaan tinggal di Wad tidak melebihi 30 (Tiga Puluh) hari bagi satu-satu tahun akademik"...

Perkara 4.1.7 : Hospital Kerajaan

Universiti juga akan menanggung kemudahan rawatan pelajar di mana-mana Hospital Kerajaan atau Hospital Universiti samada dirujuk Doktor Universiti atau dengan Doktor pilihannya sendiri, sepanjang pengajiannya, selagi ia menjadi pelajar di Universiti ini.

Perkara 4.2.1 : Surat Jaminan

Seorang pelajar atau warisnya boleh mendapat Surat Akuan/ *Guarantee Letter* tanggungan bayaran Hospital oleh Universiti dari Unit/ Pusat Kesihatan UiTM atau Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP). Tempoh sah laku Surat Akuan adalah 1 (satu) bulan dari tarikh ianya dikeluarkan.

Perkara 4.2.2 : Kos Rawatan yang ditanggung oleh Universiti

"Universiti akan menanggung kos bayaran yang tidak melebihi RM 5,000.00 dalam satu tahun akademik bagi seorang pelajar yang dikenakan oleh pihak Hospital ke atas pelajar"...

Perkara 4.2.2 : Mendahulukan Bayaran

Pembayaran kos rawatan di Hospital yang terpaksa didahulukan oleh pelajar boleh dituntut dari Universiti dengan mengemukakan resit-resit asal kepada Pejabat Pusat/ Unit Kesihatan UiTM bagi pengesahan Doktor Universiti.

Oleh yang demikian, semua pelajar UiTM sepenuh masa adalah dilindungi oleh Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar dan adalah layak untuk mendapatkan kemudahan mengikut syarat dan kelayakan yang ditetapkan.

Sekian untuk makluman Y.Bhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan / Saudara / Saudari.

والسلام

Yang benar



PROF DATO' DR HJ NASUDDIN OTHMAN

Timbalan Naib Canselor
Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

s.k. : Pengarah, Pusat Kesihatan UiTM

Rujukan Kami : 100-HEP (PT. 6/5)

Tarikh : 2 Januari 2009

Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Office of Deputy Vice-Chancellor
(Students Affairs)

Aras 4, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
 40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA.
 Tel: (+603) 5544 2003 / 2244
 Fax: (+603) 5544 3512
 Email: nasuddin@salam.uitm.edu.my



DEPUTY VICE CHANCELLOR'S CIRCULAR
(STUDENT AFFAIRS AND ALUMNI DIVISION)

Bil. 1 /2009

ENGLISH VERSION

To :

Faculty Deans

Campus Directors

All Students

Universiti Teknologi MARA

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Y. Bhg. Dato' / Prof. / Dr. / Sir / Madam / Students,

STUDENT HEALTH PROTECTION UNDER THE "STUDENT HEALTHCARE SERVICE SCHEME"

With reference to the above, Universiti Teknologi MARA has provided a health care service for all students throughout the duration of their studies under a scheme known as the Student Healthcare Service Scheme. This facility will cover treatments provided by the Healthcare Centre in UiTM Shah Alam and Healthcare Centers in State Campuses, as well as at any government clinics and hospitals in Malaysia.

All registered students are eligible for medical protection under this scheme. This protection includes students that are on semester leave; undergoing practical training with external organizations; as well as students that are off-campus for official university occasions such as when attending seminars, or participating in student programs such as sports, debates, and other student development programs endorsed by the university.

However, the following categories of students are not covered by this scheme :

1. students who have completed their studies,
2. those whose registration have been revoked by the university, and ;
3. those who have been suspended.

As a guide and reference, enclosed are excerpts from the UiTM Student Healthcare Service Scheme 2004:

Item 4.1 : Outpatient Care

... "All fulltime students are eligible to obtain treatment from healthcare centers/ units according to specified schedules"

Item 4.1.6.2 : Ward Facilities in Government and University Hospitals

For cases that must be referred to Government Hospitals or University Hospitals, students are eligible for treatment in Class Two (2) Wards or below. No charges will be borne by the University for Classes above that of Class Two (2).

Item 4.1.6.3 : Private Hospitals

"The university is not liable for any charges for treatment or warding in Private Hospitals or Clinics"...

Item 4.1.6.4 : Duration of Liable Ward Expenses

"The university will only bear charges for stays in wards not exceeding 30 (Thirty) days for each academic year"

Item 4.1.7 : Government Hospitals

The university will also bear treatment facilities of students at any Government Hospital or University Hospital whether upon referral of University Doctors or by Doctors of the students own choice, throughout the duration of studies, so long as he/she remains as a student of this University.

Item 4.2.1 : Guarantee Letter

A student may obtain the Guarantee Letter from the UiTM Healthcare Centers/ Units or from the Office of Student Affairs. The period of validity of the Guarantee Letter is 1 (one) month from the date of issue.

Item 4.2.2 : Treatment Costs Borne by the University

The University will bear the hospital charges not exceeding RM 5,000.00 in one academic year per student.

Item 4.2.2 : Forwarding Payment

Advance payments for treatment in Hospitals that must first be forwarded by students can be claimed from the University by producing original receipts to the Office of UiTM Healthcare Centre/Units for validation by University Doctors.

Thank you.

والسلام

Yours Sincerely,



PROF. DATO' DR. HJ. NASUDDIN OTHMAN

Deputy Vice Chancellor
Student Affairs & Alumni Division

c.c. : Director, Health Center, UiTM

Rujukan Kami : 100-HEP (PT. 6/5)

Tarikh : 2 Januari 2009